

SELAYANG PANDANG
A BRIEF INTRODUCTION

EDDIN KHOO

R
U
K
U
N
E
G
A
R
A

0.5
0



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

1A-70 -15.7 11/11/11

RUKUNEGARA

SELAYANG PANDANG
A BRIEF INTRODUCTION

EDDIN KHOO

TERJEMAHAN BAHASA MALAYSIA OLEH
IZZUDDIN RAMLI



PUSTAKA PERDANA



1012786



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Rukunegara—Selayang Pandang
Rukunegara—A Brief Introduction

Published by:
Kala Publishers Sdn. Bhd.
16B, Jalan Wan Kadir 1,
Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur,
Malaysia

First print: September 2020

Author Copyright: Eddin Khoo
Translation Copyright: Izzuddin Ramli

All rights reserved. No part of this book may be reproduced or transmitted in any form or by any means whatsoever without express written permission from the author, except in the case of brief quotations embodied in critical articles and reviews. Please refer all pertinent questions to the publisher.

ISBN:
978-967-14930-1-4

Cover Design and Layout: Muhamad Razif Nasruddin

Printed by:
Atlas Cetak (M) Sdn Bhd
No. 2, Persiaran Industri,
Bandar Sri Damansara,
52200, Kuala Lumpur,
Malaysia

RUKUNEGARA

SELYANG PANDANG
A BRIEF INTRODUCTION



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



Penerbitan ini adalah sebahagian
daripada Projek Bina Bangsa, dengan dukungan

Allianz Malaysia Berhad

This publication, as part of Projek Bina Bangsa,
was made possible with the generous support of

Allianz Malaysia Berhad



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



Dalam kenangan, Khoo Kay Kim
— *ayahku, sejarawan kita.*

In memory, Khoo Kay Kim
— *my father, our historian.*





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Inilah kisah di bumi Tuhan
kita dan mereka bersama-sama
menggali lalu menimbuni rangka
dari tulang-tulang berserakan...

This is the legend of God's own country
us and them together
digging then piling in teeming frames
from a heap of scattered bones...

Usman Awang





PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Kandungan | Contents

Prakata:
Melindungi Malaysia, Meneduhi Perpaduan
oleh Zakri Khir

Pembuka Tirai:
Ayah dan 'Sekolahnya'
—Sepucuk Warkah Kenangan

Rukunegara
— Selayang Pandang

Rukunegara
—Dokumen Lengkap

Penghargaan

Foreword:
Protecting Malaysia, Protecting Unity
by Zakri Khir

Prologue:
My Father and His 'School'
—A Memorial Sheet (Of Sorts)

Rukunegara
—A Brief Introduction

Rukunegara
—The Complete Document

Acknowledgements





PRAKATA

Melindungi Malaysia, Meneduhi Perpaduan

Harga sejarah sesebuah negara tidak ternilai. Penyatuan kita sebagai rakyat Malaysia akan dapat disemai melalui ilmu pengetahuan yang baik tentang masa lalu serta memahami perjuangan nenek moyang kita.

Projek Bina Bangsa merupakan satu inisiatif antara Allianz Malaysia Berhad dan Pusaka bersempena ulang tahun ke-50 Rukunegara. Matlamat projek ini adalah untuk memelihara sejarah kita seterusnya mendidik masyarakat umum tentang penanda-penanda asas negara Malaysia melalui penerbitan sebanyak 10 buah buku, dengan buku pertamanya diberi judul “Rukunegara”.

Saya amat berbangga dengan Rukunegara. Rukunegara merupakan satu set prinsip kebangsaan yang diperkenalkan pada 31 Ogos 1970 untuk memupuk sikap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Sewaktu kecil, saya sering melaungkan lima prinsip Rukunegara di perhimpunan sekolah. Malah, sehingga ke hari ini kelima-lima prinsip tersebut masih kekal di halaman belakang setiap buku latihan sekolah.

Allianz Malaysia Berhad menjalankan perniagaan perlindungan. Sebagai sebuah warga korporat yang bertanggung jawab, kami berusaha untuk melindungi sejarah Malaysia dan masyarakat pelbagai kaum serta budayanya. Oleh yang demikian, sokongan terhadap usaha tersebut, serta galakan terhadap ikhtiar untuk membentuk sebuah masyarakat harmoni melalui pendidikan adalah amat penting bagi sebuah syarikat yang terus menjunjung dan memacu kepelbagaian, perpaduan dan keterangkuman seperti kami ini.

Buku ini merupakan satu peringatan buat anak-anak Malaysia bahawa kepelbagaian adalah kekuatan negara. Bagi menjaga keseimbangan dan kestabilan kaum yang sedia terbina, maka amat penting untuk kita berpegang kepada tiang-tiang Rukunegara.

Kami berbangga kerana dapat menyokong pengarang buku ini iaitu Eddin Khoo, anak kepada mendiang Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Khoo Kay Kim, sejarawan ulung kita dan juga salah seorang pembangun batu asas Rukunegara ini.

Sepuluh jari dihulur tanda kasih buat Pusaka di atas kerjasama yang dijalinkan ini. Saya yakin bahawa buku yang penuh maklumat dan halus daya ukirnya ini dapat menghadirkan segunung manfaat buat anda.

Zakri Mohd Khir

Ketua Pegawai Eksekutif
Allianz Malaysia Berhad



Catatan Mengenai Teks

Rukunegara—Selayang Pandang tidak bermaksud untuk menjadi suatu sejarah atau tafsiran mengenai Rukunegara yang berwibawa. Ia adalah rangkaian renungan disamping menganyam naratif peristiwa dan musyawarah yang terjadi dalam pembentukan Rukunegara, sebaris prinsip kebangsaan kita.

e.k.



PEMBUKA TIRAI

Ayah dan 'Sekolahnya' — Sepucuk Warkah Kenangan

Sedari aku mengerti bahawa tinju tidak meleraikan apa-apa, ini menjadi bukti sebuah pertenggaran abadi buat ayah dan aku.

Dalam karangan ayah yang berjudul “Sejarawan Tempatan dan Penulisan Sejarah Malaysia Pada Abad Kedua Puluh”, ayah berkata:

“Barangkali, yang menjadi minat orang pada waktu dahulu adalah sastera, atau kisah-kisah asmara dan keperwiraan yang diriwayatkan dalam bahasa tinggi dan penuh megah. Karya-karya sejarah seperti yang kita kenal hari ini, yang suka benar dengan tarikh-tarikh tepat dan kebenaran objektif, tidak pernah ada sebelum abad kelapan belas. Setidak-tidaknya, tiada tulisan yang ditemukan. Namun, bidang pensejarahan Melayu tidak lama kemudian mulai beralih dari dunia cereka ke dunia hakikat walaupun gaya kesusasteraannya tetap tegar. Seringkali sahaja terjadi, penulis tiada segan silu berjengkek di atas kisah-kisah dongeng dan legenda apabila berbicara tentang masa lalu.”

Jika sejarah semata-mata berakar dari kenyataan-kenyataan empirik dan kebenaran objektif, malah rinci pula dengan longgokan dokumen, surat khabar, kertas kulit, peta, bukti surat-menyurat, dan segala yang ayah gelar sebagai “sumber utama”, lalu bagaimana pula dengan sekalian perubahan dan putar-balik yang terus menghidupkan bermacam cara kita mendekati masa lalu? Bagaimana pula dengan segenap percanggahan yang ada dalam sejarah?

Contohnya masih ada di meja tulis ayah sendiri. Di celah timbunan nota, memorandum, transkrip-transkrip perdebatan, arahan, permintaan, makalah-makalah tentang pem-



9 789671 493014



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA